PERTANDINGAN MASAKAN WARISAN

PROGRAM JALINAN ADAT, BUDAYA DAN WARISAN
PERBADANAN ADAT MELAYU DAN WARISAN NEGERI SELANGOR

Maklumat Pertandingan :

TARIKH : 13 Mac 2011 (Ahad)
TEMPAT : Dewan Kg. Bukit Kapar, Klang
MASA : 8.00 Pagi

Kategori 1 – Masakan Tradisi

Syarat dan peraturan pertandingan :-

1. Terbuka kepada semua individu warganegara Malaysia yang berumur 18 tahun dan ke atas. Penyertaan secara perseorangan dengan seorang pembantu sahaja.

2. Tema dan konsep masakan adalah masakan warisan tempatan (negeri Selangor).

3. Masakan hendaklah disediakan oleh peserta dari rumah.

4. Masakan yang telah siap dimasak perlu dihidang dan dihias mengikut kreativiti peserta.

5. Pemarkahan pertandingan adalah berdasarkan kriteria keaslian resepi tradisional, keenakan masakan, hiasan dan persembahan hidangan. (Resepi dan nama masakan perlu dipamerkan).

6. Penyertaan adalah percuma dan tidak terhad. Tarikh tutup penyertaan ialah pada atau sebelum **13 Mac 2011.**

7. Keputusan para juri adalah muktamad.

Hadiah : Masakan Tradisi

Tempat pertama	**RM 500**
Tempat kedua	**RM 300**
Tempat ketiga	**RM 200**
Saguhati	**RM 50 x 7**

Kategori 2 – Kuih Tradisional

Syarat dan peraturan pertandingan :-

1. Terbuka kepada semua individu warganegara Malaysia yang berumur 18 tahun dan ke atas.

2. Tema dan konsep masakan adalah masakan warisan tempatan (negeri Selangor).

3. Masakan perlu disediakan oleh peserta di rumah dan perlu dipamerkan dengan hiasan yang bersesuaian serta nama masakan dan resepi.

4. Penyertaan terhad untuk 2 jenis kuih bagi setiap peserta.

5. Pemarkahan pertandingan adalah berdasarkan kriteria keaslian resepi tradisional, keenakan masakan, hiasan dan persembahan hidangan. (Resepi dan nama masakan perlu dipamerkan).

6. Penyertaan adalah percuma dan tidak terhad. Tarikh tutup penyertaan ialah pada atau sebelum **13 Mac 2011.**

7. Keputusan para juri adalah muktamad

Hadiah : Kuih Muih Tradisional

Tempat pertama	**RM 300**
Tempat kedua	**RM 200**
Tempat ketiga	**RM 100**
Saguhati	**RM 50 X 7**

Borang boleh dihantar melalui fax dan sebarang pertanyaan hubungi urusetia pertandingan :-

Urusetia Pertandingan Masakan Warisan Selangor,
Perbadanan Adat Melayu Dan Warisan Negeri Selangor (PADAT),
D/A Muzium Sultan Alam Shah,
Persiaran Bandaraya,
40000 Shah Alam, Selangor.
Tel : 03-5519 0050 / 5510 3220/ 5510 3190
Fax : 03-5510 1799
Laman web : www.padat.gov.my

Urusetia : Puan Arbayah Bt. Zaini, Puan Siti Muzli Seh Hashim

BORANG PENYERTAAN

KATEGORI : ☐ **1. MASAKAN TRADISI** ☐ **2. KUIH TRADISIONAL**

NAMA : _____

NO. KAD PENGENALAN : _____

ALAMAT : _____

_____

_____ **NO. TELEFON :** _____

*Borang Fotostat juga diterima.